

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT
AGUNG TAHUNAN KOPERASI WI LIPIS
BERHAD (KOWILIP)**

KALI KELIMA 2022

30 SEPTEMBER 2022 (JUMAAT)

3:00 PETANG

**ARAS 5, HOTEL LIPIS CENTREPOINT,
KUALA LIPIS**

Bismillahirrahmaanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Terima Kasih kepada Pengacara
Majlis

{SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA MAJLIS}

Terlebih dahulu, saya ingin menyampaikan salam takzim dari Datuk Seri Presiden ANGKASA kerana tidak dapat hadir ke majlis ini

disebabkan terdapat urusan lain yang tidak dapat dielakkan.

1. Sebagai pembuka kata, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat

bersama-sama hadir dalam majlis petang ini.

2. Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir dan sudi menjemput saya untuk merasmikan

Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Wi Lipis Berhad (KOWILIP) Kali Kelima 2022. Terima kasih juga kepada urusetia majlis yang berusaha memastikan program ini berjalan dengan lancar.

Hadirin yang dihormati sekalian

3. Sesebuah koperasi hendaklah bergerak berlandaskan prinsip-prinsip koperasi yang menjadi pegangan setiap anggota yang berpegang kepada nilai sadik, amanah dan telus. Anggota koperasi menjadi tulang belakang yang berperanan menyokong setiap aktiviti kerana

koperasi dimiliki dan dikawal secara demokrasi oleh anggota yang menjadi pelanggan utama dalam koperasi.

4. Masa depan koperasi bergantung kepada sejauh mana keberkesanan anggota memainkan

peranan masing-masing. Maju mundur
sesebuah koperasi terletak pada
sumbangan dan penyertaan
anggotanya dalam setiap aktiviti
yang dijalankan.

5. Kemajuan sesebuah koperasi
terletak pada komitmen dan

tanggungjawab yang dimainkan oleh anggota serta barisan Lembaga dan pengurusan koperasi. Lembaga koperasi bertanggungjawab melaksanakan segala dasar yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Agung.

6. Oleh itu, koperasi perlu mempunyai kepimpinan yang jujur, dinamik dan progresif dan mampu membawa koperasi ke tahap lebih tinggi dengan mengamalkan kaedah terbaik (*best practices*) dalam setiap aspek koperasi.

7. Dalam keadaan ekonomi semasa dengan harga barangan keperluan asas meningkat, koperasi perlu mengambil langkah proaktif dan merebut peluang perniagaan yang berimpak tinggi yang mampu menjana ekonomi koperasi.

Hadirin yang dihormati sekalian

8. Mengikuti perangkaan SKM sehingga Disember 2021, bilangan koperasi berjumlah **14,834 buah** di seluruh negara yang melibatkan jumlah keanggotaan individu seramai **7,079,119 juta orang**. Manakala modal

syer pula berjumlah **RM 16,544.66 juta** dan aset sebanyak **RM154,983.01 juta** yang menjana perolehan sehingga **RM37,895.62 juta**.

9. Untuk makluman, sehingga **Ogos 2022**, bilangan koperasi yang menjadi anggota ANGKASA berjumlah **10,619**

buah daripada **14,834** yang berdaftar dengan SKM.

10. Di Pahang, sebanyak **1,058 buah** koperasi menjadi anggota ANGKASA daripada **1,180** buah koperasi yang berdaftar dengan SKM. Sebanyak **221** buah koperasi dari **271** buah koperasi

yang berdaftar dengan SKM, menjadi anggota ANGKASA bagi Pahang III (Barat).

Hadirin yang dihormati sekalian

11. Sebagai badan puncak gerakan koperasi, ANGKASA sentiasa bersedia

membantu koperasi menjalankan aktiviti dan perkhidmatan yang dapat memberi pulangan sosio ekonomi yang bermanfaat untuk anggota dan koperasi.

12. Projek BA100 antara program yang terbukti memberi impak positif

kepada gerakan koperasi. BA100 merupakan projek nasional yang digerakkan secara bersama oleh ANGKASA, SKM dan IKMa. Program pembangunan ekonomi gerakan koperasi oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ini telah bermula sejak 2019

bagi mencapai matlamat ekonomi dan anggota koperasi khususnya dalam sektor pemborongan dan peruncitan.

13. BA100 diperkasakan dengan matlmat untuk menurunkan kos sara hidup rakyat, membantu koperasi dan

IKS memasarkan barangan koperasi dan IKS, membentuk gerakan koperasi yang kuat menerusi ekosistem yang lengkap di samping menambah peluang pekerjaan kepada anggota koperasi khususnya dan rakyat Malaysia amnya.

14. Selain BA100, banyak lagi proyek-projek berimpak tinggi dan pelan perniagaan yang komprehensif yang dirancang ANGKASA melalui sektor-sektor sedia ada. ANGKASA juga membuka peluang kepada koperasi-koperasi yang berpotensi untuk terlibat dalam jaringan perniagaan.

15. Sekali lagi terima kasih kepada semua yang hadir. Semoga mesyuarat agung kali ini membantu anggota membuat perancangan yang terbaik agar dapat menggerakkan koperasi ke arah yang lebih produktif, inovatif dan berdaya saing.

Dengan lafaz
Bismillahirrahmaanirrahim, saya
dengan ini merasmikan Mesyuarat
Agung Tahunan Tahunan Koperasi Wi
Lipis Berhad (KOWILIP) Kali Kelima 2022.

Sekian, terima kasih.